

Faktor-Faktor Yang Telah Mempengaruhi Pelajar-Pelajar Tahun 3 SPM Dan 4 SPM Mengambil Kursus Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Matematik) Di UTM Skudai

Noor Azlan Ahmad Zanzali & Norsaridatul Husna Hasmi

Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Pemilihan bidang kursus dikalangan pelajar merupakan suatu perkara yang sangat penting semasa pemilihan dibuat dalam menentukan masa depan seseorang pelajar itu. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang telah mempengaruhi pelajar memilih kursus Sarjana Muda Sains serta Pendidikan Matematik (SPM) di UTM Skudai. Data berbentuk deskriptif ini diperolehi melalui set borang soal selidik yang telah diisi oleh 57 responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar 3SPM dan 4SPM di Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Sampel kajian dipilih secara rawak mudah dan penganalisan data telah dibuat menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for the Social Science Window 11.5*) untuk mendapatkan nilai kekerapan, min dan peratus. Hasil daripada kajian menunjukkan bahawa faktor inginkan cabaran telah banyak mempengaruhi responden dalam pemilihan kursus SPM ini. Kajian ini adalah amat berguna dalam menggunakan maklumat yang boleh dijadikan panduan oleh pihak-pihak tertentu dalam meningkatkan keyakinan para pelajar yang ingin menceburkan diri ke dalam bidang ini. Keyakinan ini diharap akan menjadikan mereka sebahagian daripada golongan pendidik yang mempunyai komitmen tinggi dalam menjalankan tugas dan tanggung jawab. Cadangan kajian yang disarankan oleh penyelidik ialah apakah peranan yang boleh dimainkan oleh seorang guru Matematik sendiri untuk mempengaruhi golongan tertentu yang dianggap sesuai menceburkan diri dalam profesion perguruan di bidang Matematik khususnya tanpa ada rasa takut dengan pelaksanaan dasar-dasar baru oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Katakunci : Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Matematik), faktor pelajar memilih

Pengenalan

Kualiti pendidikan bermula dengan kualiti seorang guru. Peningkatan kualiti pendidikan guru merupakan satu usaha berterusan untuk melahirkan guru yang kreatif, berkecakapan dan berakhlak mulia. Kurikulum pendidikan guru adalah dinamik dan sentiasa diubah suai supaya guru dilengkapi dengan pengetahuan baru dan sikap positif sejajar dengan pembentukan negara yang progresif. Pengubahsuaian kurikulum menuntut para pendidik guru membuat perancangan minda untuk melahirkan guru permulaan yang cekap teknologi dan yakin menghadapi perubahan dan menangani cabaran persekitaran sekolah semasa (Salehudin, 2005, 36).

Sesungguhnya, usaha menjamin kualiti perkhidmatan dalam profesion perguruan di abad ini merupakan satu cabaran kerana arus pembangunan masa kini mendesak peningkatan kualiti dalam semua bidang perkhidmatan termasuklah bidang pendidikan (Bajury Markom, 2000). Oleh itu, menjadi harapan negara agar guru dapat memainkan peranan dalam mendidik anak bangsa menjadi warganegara yang berguna (Salehudin, 2005). Dewasa ini untuk menjadi seorang guru bukanlah semudah yang disangkakan. Syarat-syaratnya telah diteliti semula memandangkan guru merupakan satu profesion yang diminati ramai pada masa kini iaitu daripada golongan yang benar-benar minat dan juga mereka yang terdiri daripada golongan yang memilih guru sebagai kerjaya pilihan terakhir.

Mata pelajaran matematik pula merupakan salah satu mata pelajaran sangat penting yang diajar di sekolah sama ada di sekolah menengah ataupun sekolah rendah. Matematik atau Ilmu Hisab Moden mula diajar di beberapa buah sekolah menengah rendah sejak tahun 1970 dan mata pelajaran ini diajar di semua sekolah menengah di tingkatan satu pada tahun 1975. Menjelang tahun 1978 semua murid di peringkat menengah rendah mempelajari mata pelajaran ini (Laporan Kabinet 1979). Secara amnya, objektif program pendidikan adalah untuk melahirkan pendidik yang beretika dan berkeupayaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Mereka juga diharap mampu mempunyai pelbagai kemahiran termasuklah keusahawanan dan berupaya bekerja dalam pelbagai sektor. Namun, sejauh manakah kesungguhan atau kemampuan seseorang pendidik itu untuk menyampaikan ilmu yang dimiliki kepada anak didik mereka? Ini amat berkait rapat dengan faktor minat seseorang itu memilih kursus pendidikan. Walaubagaimanapun, pengkaji berminat untuk membuat kajian yang berkaitan dengan faktor-faktor yang telah mempengaruhi pelajar memilih kursus pendidikan matematik iaitu Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan Matematik (SPM) di UTM Skudai yang seterusnya menjadikan kerjaya perguruan sebagai satu profesion.

Beberapa faktor telah dikenalpasti yang mendorong pelajar untuk memilih kursus pendidikan matematik sebagai bidang dalam dunia pendidikan kelak. Faktor-faktor yang menjadi pendorong ini amat berkait rapat dengan jaminan pekerjaan yang akan disandang kelak selepas pelajar menamatkan pengajian didalam kursus pendidikan itu nanti. Terdapat juga pelajar menceburi bidang ini kerana ianya merupakan jalan terakhir dalam pemilihan kerjayanya. Dengan kata lain, pelajar ini tiada pilihan lain walaupun sebenarnya pelajar tersebut tidak berminat langsung dengan dunia pendidik. Antara faktor lain yang mendorong pelajar memilih kursus SPM adalah faktor minat, pengaruh keluarga, pengaruh rakan, inginkan cabaran dalam pekerjaan dan skim gaji yang sesuai serta keistimewaan yang ada.

Pernyataan Masalah

Institusi 'melahirkan' guru telah membekal dan 'melambak' guru setiap tahun ke pasaran. Namun, adakah setiap guru yang dipasarkan itu benar-benar bersedia untuk mengharungi profesion ini. Profesion ini memerlukan tahap profesional yang tinggi untuk seorang guru itu benar-benar berwibawa. Fakulti Pendidikan UTM telah menawarkan pelbagai kursus pendidikan ijazah dan diantaranya ialah kursus Sarjana Muda Sains serta Pendidikan Matematik (SPM). Pemilihan bidang dalam kursus pendidikan oleh pelajar ini dipengaruhi oleh beberapa faktor yang mendorong mereka memilih untuk memasuki bidang tersebut dan seterusnya menjadikan kerjaya sebagai pendidik sebagai satu profesion.

Persoalan yang ditimbulkan disini adakah kursus SPM ini sesuai dengan diri mereka? Jika tidak, bolehkah kursus SPM ini dapat menimbulkan minat mereka supaya menjadi seorang pendidik yang berwibawa pada suatu hari kelak? Apakah faktor-faktor utama yang menyebabkan pelajar Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan Matematik (SPM) di UTM memilih kursus pendidikan ijazah di bidang Matematik?

Objektif Kajian

Fokus utama kajian ini adalah untuk :-

1. Mengenalpasti faktor-faktor yang telah mempengaruhi pelajar-pelajar memilih kursus Sarjana Muda Sains serta Pendidikan Matematik (SPM) di UTM Skudai.

Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan diharap dapat memberikan maklumat yang baik dan berguna kepada semua pihak terutamanya pihak yang terlibat secara langsung dalam bidang pendidikan iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia serta bakal guru atau individu yang ingin menjadikan bidang matematik sebagai kursus dalam ijazah perguruan.

Kementerian Pendidikan Malaysia : Kajian ini di harap dapat memberikan makluman tentang apakah sebenarnya ciri-ciri yang menjadi dorongan untuk seseorang memilih profesion perguruan sebagai kerjaya terutama perguruan di dalam bidang matematik. Dapatan kajian tentang faktor-faktor yang mendorong pemilihan kerjaya sebagai guru matematik ini boleh dijadikan maklumbalas kepada usaha Kementerian Pendidikan untuk mempertingkatkan lagi usaha agar lebih ramai guru matematik yang benar-benar dapat mengajar matapelajaran matematik ataupun Ilmu Hisab ini. Dapatan kajian ini juga diharapkan dapat dijadikan maklum balas kepada Kementerian Pendidikan (KPM), terutamanya Bahagian Pendidikan Guru, KPM memantapkan lagi kriteria-kriteria pemilihan calon yang memohon mengikuti kursus perguruan terutama dalam bidang matematik. Ini adalah bertujuan supaya mereka yang terpilih adalah mereka yang benar-benar berkeupayaan dan bersungguh-sungguh ingin menjadi seorang guru matematik.

Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia : Dapatan kajian juga diharap memberikan maklum balas kepada pihak Fakulti Pendidikan UTM dalam usaha melahirkan guru yang berkualiti. Dari dapatan kajian ini diharapkan pihak Fakulti Pendidikan UTM dapat mengenalpasti calon-calon yang sesuai semasa pemilihan pengambilan dilakukan. Ini untuk memastikan pelatih perguruan UTM di bidang matematik khususnya adalah mereka yang benar-benar mampu menjadi guru matematik, bukan sahaja dari segi penguasaan ilmu tetapi juga dari segi sikap dan komitmen terhadap profesion ini.

Individu : Hasil kajian juga diharapkan dapat membantu responden, guru, bakal atau sesiapa sahaja yang ingin menjadikan perguruan sebagai profesion mereka membuat penilaian sendiri diatas pemilihan yang telah atau akan mereka ambil. Penilaian ini diharap akan menyakinkan individu tersebut bahawa kerjaya yang mereka pilih adalah suatu pilihan yang tepat. Kajian ini juga diharap menjadi pendorong kepada individu lain untuk membuat kajian seterusnya untuk kebaikan bidang perguruan Matematik.

Reka bentuk kajian

Kajian ini merupakan kajian deskriptif yang menggunakan pendekatan tinjauan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang telah mempengaruhi pelajar-pelajar 3 SPM dan 4 SPM memilih kursus Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Matematik) di UTM, Skudai. Kaedah ini dipilih kerana ia sesuai digunakan dan mudah ditadbir. Data yang dikumpulkan juga senang diproses untuk dianalisis.

Satu set borang soal selidik disediakan sebagai instrumen kajian untuk mendapatkan data dan maklumat tentang maklum balas pelajar-pelajar terhadap kursus Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Matematik). Borang soal selidik ini diedarkan kepada setiap pelajar yang merupakan sampel dalam kajian tinjauan ini untuk mendapatkan jawapan kepada soal selidik.

Instrumen kajian

Instrumen yang akan digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk satu set soal selidik yang akan dikemukakan kepada responden. Item dalam soal selidik dibentuk daripada hasil

pengubahsuaian gabungan soal selidik kajian yang dijalankan oleh Norlia (2000) dan Siti Hafnia (2006). Item-item soal selidik dua pengkaji ini telah diubahsuai bagi menjawab persoalan kajian ini. Soal selidik ini dipilih berdasarkan perkara berikut :

- i. Berkeyakinan mendapat instrumen yang tepat berkaitan fakta-fakta kepercayaan, perasaan dan ia lebih praktikal.
- ii. Dapat menjimatkan kos, masa dan tenaga semasa kajian dijalankan. Tiga perkara penting yang perlu diambil perhatian iaitu kandungannya mestilah komprehensif, yakni segala faktor mesti diambil kira dan meliputi pembinaan konsep yang ingin diukur.

Soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A mengandungi soalan bagi mendapatkan maklumat biodata responden iaitu jantina, keturunan, umur, status perkahwinan, pencapaian keputusan subjek Matematik dalam SPM/STPM, tahun kursus dan faktor-faktor rawak yang mempengaruhi pelajar memilih untuk memasuki kursus SPM. Bahagian B terdiri daripada 36 item yang menjurus kepada faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar mengikuti memilih kursus Sarjana muda Sains Serta Pendidikan (Matematik) di UTM, Skudai. Faktor-faktor tersebut adalah:-

- a. Faktor minat
- b. Faktor keluarga dan rakan sebaya
- c. Faktor ganjaran dan keistimewaaan kursus
- d. Faktor inginkan cabaran dan tiada pilihan

Kajian ini menggunakan Skala Likert Pemeringkatan Empat. Pengkaji tidak menggunakan Skala Likert, skala tidak pasti (3) kerana ianya banyak mempengaruhi dapatan kajian. Ini dosokong oleh kajian yang dilakukan oleh Noran Fauziah Yaakub dan Ahmad Mahdzan Ayob (1993) dalam Norlia (2000) yang dilakukan keatas satu kumpulan guru pelatih dari sebuah maktab perguruan di Kuala Lumpur hanya menggunakan skala pemeringkatan empat kerana ingin mendapatkan keputusan yang tepat dan sah. Di bawah merupakan jadual untuk pemeringkatan skala empat.

Jadual 1 Pemeringkatan Skala Empat

Nilai Likert	Aras	Fingkatan
1	Sangat Tidak Setuju	STS
2	Tidak Setuju	TS
3	Setuju	S
4	Sangat Setuju	SS

Kajian Rintis

Sebelum melaksanakan kajian sebenar, pengkaji akan membuat satu kajian rintis di Fakulti Pendidikan UTM, Skudai. Kajian rintis telah dijalankan keatas 11 orang pelajar tahun 4 SPT. 4 SPT dipilih kerana kursus ini adalah kursus pendidikan matematik juga tetapi mempunyai subjek minornya adalah komputer. Kajian ini bertujuan untuk mengukur kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik. Persoalan yang ditimbulkan adalah sama ada responden sesuai dengan soal selidik dan berminat untuk menjawabnya, sama ada terdapat item yang mengelirukan, sama ada arahan yang diberikan jelas dan sama ada masa yang diperuntukkan untuk menjawab soal selidik mencukupi. Kajian rintis juga dilakukan untuk mengukuhkan pernyataan dalam soal selidik sebelum diedarkan dalam kajian yang sebenar. Hasil daripada kajian rintis ini, penyelidik telah mendapati nilai Alpha Cronbach 0.7478 setelah diproses dengan menggunakan SPSS. Ini menunjukkan soal selidik yang dibina mempunyai kebolehpercayaan

yang tinggi dan berupaya mengukur pembolehubah-pembolehubah dalam kajian ini dengan baik. Mengikut Najib Ghaffar (1998), menyatakan bahawa kajian yang mencapai nilai alpha 0.6 hingga 0.9 adalah mempunyai keesahan dan kebolehpercayaan soalan yang tinggi.

Analisis Keseluruhan


Hasil analisis keseluruhan menunjukkan bahawa faktor pemilihan kursus Sarjana muda Sains Serta Pendidikan Matematik (SPM) yang tertinggi ialah faktor inginkan cabaran dan tiada pilihan lain dalam pemilihan kerjaya dengan min 3.15, faktor ini boleh dikatakan sebagai faktor utama yang memberi kesan atau pengaruh yang besar kepada responden dalam membuat pemilihan kursus SPM ini.

Faktor kedua yang utama ialah faktor minat dengan minnya 3.12, ini diikuti oleh faktor ganjaran serta keistimewaan yang terdapat didalam kursus ini, minnya 3.04. Akhir sekali faktor yang paling minima kesannya ke atas pemilihan kursus SPM ini ialah faktor pengaruh ibu bapa dan rakan sebaya , minnya ialah 2.53.

Jadual 2 dan Rajah 1 menunjukkan taburan min faktor pemilihan kursus SPM di kalangan pelajar Tahun 3 SPM dan 4 SPM.

Jadual 2 : Taburan Min Keseluruhan Bagi Faktor Pemilihan Kursus SPM di Kalangan Pelajar Tahun 3 SPM dan 4 SPM

Bil.	Faktor Pemilihan	Tidak Bersetuju		Min
		%	%	
1.	Mirat	20.1	79.9	3.12
2.	Pengaruh Ibu Bapa dan Rakan Sebaya	48.7	51.3	2.53
3.	Ganjaran dan Keistimewaan Kursus	20.7	79.3	3.04
4.	Cabaran serta Tiada Pilihan Lain Dalam Pemilihan Kerjaya	18.9	81.1	3.15



Rajah 1 : Taburan Min Bagi Faktor Pemilihan Kursus SPM di Kalangan Pelajar Tahun 3 SPM dan 4 SPM

Perbincangan

Daripada dapatan analisis yang telah diperolehi, didapati faktor pengaruh keluarga dan rakan sebaya terhadap pemilihan kursus SPM ini berada pada tahap sederhana dimana min bagi faktor ini adalah 2.53 secara keseluruhannya. Pencapaian tahap sederhana ini dapat dilihat dalam item B10 sehingga B18. Didapati ada perkaitan pengaruh keluarga dan rakan sebaya dalam pemilihan kursus di kalangan responden. Dapatan menunjukkan ibu bapa responden memberikan kebebasan kepada mereka dalam pemilihan kursus walaupun dalam masa yang sama responden sebenarnya sentiasa patuh pada kehendak keluarga dan sentiasa mengutamakan keluarga dalam apa jua yang dilakukan.

Jika dilihat latar belakang responden, kebanyakannya adalah terdiri daripada responden yang berumur diantara 21 tahun sehingga 25 tahun. Menunjukkan responden sebenarnya masih perlu mendapatkan nasihat dan pandangan keluarga dalam pemilihan kursus mereka. Oleh yang demikian, seharusnya ibu bapa perlu memainkan peranan yang penting dalam menyuarakan pendapat dan memberikan cadangan kepada anak-anak mereka walaupun terdapat sesetengah ibu bapa merasakan anak-anak mereka sudah boleh membuat keputusan sendiri serta memberikan alasan tidak mahu terlalu mengongkong anak-anak mereka. Hal ini juga dapat mengelakkan daripada terjadinya masalah pelajar tersalah memilih kursus dimana ianya langsung tidak bersesuaian dengan diri mereka. Begitu juga dengan rakan sebaya dimana golongan ini seharusnya memberikan pendapat mereka mengenai kursus yang bersesuaian dengan responden kerana rakan sebaya juga dapat menilai arah kecenderungan diri responden dalam sesuatu perkara. Hal ini kerana rakan sebaya adalah antara golongan yang rapat dengan diri responden.

Hampir kesemua responden telah menyatakan jaminan kerjaya dalam profesion perguruan adalah sebab mengapa mereka memilih bidang perguruan Matematik ini. Disamping itu, responden berpendapat bahawa guru matematik adalah antara guru yang bertuah kerana mempunyai keistimewaan tersendiri iaitu guru matematik dan sains akan mendapat tambahan skim gaji iaitu yang dikenali sebagai Bayaran Insentif Subjek Pendidikan (BISP) kerana perlaksanaan mengajar dalam bahasa inggeris. Perubahan skim gaji guru yang baru ini telah dapat menarik minat pelajar untuk memasuki bidang perguruan Matematik. Ini juga dapat dibuktikan dengan dapatan kajian Valentine (1934) yang menyatakan faktor paling utama yang mempengaruhi pelajar lelaki memilih kerjaya perguruan adalah atas dasar ekonomi. Oleh itu responden telah tertarik dengan keistimewaan ini dan membuat keputusan untuk memilih kursus ini.

Dengan ini jelas menunjukkan antara faktor yang memainkan peranan yang penting terhadap seseorang itu menjurus kepada sesuatu seperti pemilihan kursus ini adalah ganjaran-ganjaran yang ada ataupun keistimewaan yang memberikan keselesaan kepadanya. Lantaran itu, untuk menarik lebih ramai lagi pelajar-pelajar untuk memilih kursus ini, pihak tertentu haruslah menawarkan sesuatu yang lebih menarik untuk kursus ini. Pihak-pihak yang terbabit perlu mencari beberapa inisiatif seperti membuat kempen-kempen untuk menarik minat pelajar-pelajar terhadap kursus ini.

Daripada analisis yang telah dijalankan, didapati faktor inginkan cabaran merupakan faktor yang paling utama yang telah mempengaruhi pelajar dalam pemilihan kursus SPM ini. Secara keseluruhannya min bagi faktor ini adalah tinggi iaitu 3.15, dimana kesemua item dalam persoalan kajian ini berada pada tahap yang tinggi kecuali bagi item mengenai pemilihan kursus ini atas dasar kerana tiada pilihan lain dalam pemilihan kerjaya mereka. Sebahagian besar responden tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa kerjaya pendidik adalah batu loncatan kepada kerjaya lain. Begitu juga responden kurang bersetuju dengan kenyataan bahawa

kesukaran peluang pekerjaan di sektor lain menyebabkan responden memilih menjadi seorang pendidik. Lantaran itu, sikap pelajar sekarang yang sentiasa inginkan cabaran telah mengatasi pelajar yang memilih kursus ini atas dasar tiada pilihan lain.

Kenyataan diatas seolah-olah selari dengan pandangan Hj. Kachar dalam Siti Hafnia, 2006. Peranan sebagai pendidik dalam masyarakat moden terlalu banyak dan rumit. Oleh kerana masyarakat berubah dari segi bentuk dan aspirasinya, maka pendidik bukan sahaja dikehendaki menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajarpelajarnya, tetapi mereka juga perlu menjalankan tugas memimpin, perubah sosial, pereka, penilai, perancang kurikulum dan memupuk semangat pelajar.

Rujukan

- Atan Long (1984). *Pendidik Dan Pendidikan*, Petaling Jaya : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Collins,M.(1964). "Untrained and Trained Teacher. A Comparison Of Their Experiences During The Probation Year". *British Journal Of Educational Pscyology*, 34; 75-84.
- Datuk Dr. Ismail Ibrahim. "Tumpuan Matematik" *Berita Harian*, 25 November 1994.
- Ee Ah Meng (1995). "Psikologi Perkembangan: Aplikasi Dalam Bilik Darjah". Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Folconer(1991). "Transsition: On Becoming A Community College Teacher". Master Project, Brock University Ontario, Canada.
- George, W and Justina, W. (1990). "Cause Of Poor Achievement In West African School Certificate Mathematics Examinational in River State Secandary School, Nigeria." *International Journal Of Education In Science and Technology*. Vol 21, no.3.
- Juma'at Bin Hashim (2004). "Pandangan Pelajar Tingkatan Satu Sekolah Menengah Luar Bandar Terhadap Pengajaran Guru Matapelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris". *Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1979). "Laporan Jawatankuasa Kabinet, Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lortie, D.C (1975). 'School Teacher: A Sociological Study.'"Chicago: Universiti Of Chicago Press.
- Mohammad Zahir Khasim (2003). "Tinjauan Terhadap Minat, Pengajaran Guru, Pengaruh Keluarga Dan Tahap Pembelajaran Pelajar Terhadap Matapelajaran Matematik di Sekolah Menengah Teknik Butterworth." *Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda*.
- Noran Fauziah, Ahmad Mahdzan Ayob (1993). *Guru Dan Perguruan*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa DanPustaka
- Oxford Advanced Learner's Dictionary. (1995)
- Panduan Menulis Tesis. Johor: Universiti Teknologi Malaysia. (2007)
- Quek,A.H (1995) "Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Pelajat-Pelajar Di Tingkatan Enam". *Kajian Ilmiah Diploma Kaunseling yang tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Salehudin Hj. Sabar dan Mahadi Hj. Khalid (2005). "Kertas Konsep Faktor-Faktor Graduan Berkerjaya Memilih Kursus Perguruan Lepas Ijazah-Pengkhususan Sekolah Rendah". *Jurnal Penyelidikan MPBL*. 6. 35-52.
- Vallentine C.W.(1934). "An equiry As To The choise Of The Teaching Profession By University Students". *British Jurnournal Of Education Pscyology*, 4;237- 259.
- Zuria Mahmud, Amia Salleh, Mohd Salleh Amat dan Ruslin Amir (1998). "Perkembangan Sistem Kerjaya Dalam Sisitem Pendidikan di Malaysia". *Jurnal Pendidikan*. 8. 51-65.